Teknik Belajar Dialek Mesir Sendiri

KHALIF RIZAL

PENULIS EBOOK KIT DIALEK MESIR

Hakcipta © 2019 Khalif Rizal

Nota Dialek Mesir

www.DialekMesir.com

Diterbitkan oleh:

Sakhr Solution (KT0433706-K)

Perhatian

Saudara / saudari **dibenarkan dan amat digalakkan** untuk menyebarkan eBook ini kepada sesiapa sahaja melalui apa-apa medium sama ada atas talian seperti Facebook, WhatsApp, Emel, Instagram, Twitter dan lain-lain ataupun *offline* seperti cetakan dan seumpamanya dengan syarat tidak melakukan apa-apa perubahan terhadap isi kandungan eBook ini.

Isi Kandungan

(sila klik untuk ke tajuk berkenaan)

Pendahuluan....4
BAB 1 6
Menguasai Empat Kemahiran Bahasa Dalam Dialek Mesir 6
1.1. Kemahiran Membaca 7
1.1.1. Teknik Pertama: Menggunakan Google Image 8
1.1.2. Teknik Kedua: Menggunakan *Lisaan Masry*....11
1.1.3. Teknik Ketiga....23
1.1.4. Teknik Keempat: Mengunakan Enjin Pencari Google 23
1.2. Kemahiran Menulis, Mendengar dan Bercakap 35
1.2.1. Kaedah Penting Memanfaatkan Video dalam Mempelajari Dialek Mesir....47
1.2.2. Mereka Bercakap Terlalu Laju?....48
BAB 2 51
BEKALAN PENTING UNTUk MEMPELAJARI DIALEK MESIR....51

PENDAHULUAN

Terima kasih dan tahniah kepada saudara kerana telah mendapatkan eBook Teknik Belajar Dialek Mesir Sendiri.

Buku ini mengandungi dua bab yang diambil dari Modul 1 Kit Dialek Mesir (http://dialekmesir.com/kdm). **Kit Dialek Mesir (KDM)** merupakan kit yang mengandungi empat buah modul bertajuk: Modul 1: Asas-asas Penting, Modul 2: Tatabahasa Dialek Mesir, Modul 3: Kata Kerja Penting Dialek Mesir, Modul 4: Teknik Bina Ayat yang berjumlah 636 muka surat kesemuanya.

Dalam eBook ini pula, saudara akan didedahkan dengan dua asas yang paling penting dalam dialek Mesir yang akan membantu saudara meningkatkan penguasaan dialek Mesir. Iaitu:

1- Menguasai Empat Kemahiran Bahasa Dalam Dialek Mesir.

2- Bekalan Penting Untuk Mempelajari Dialek Mesir.

Dalam Bab 1, saudara akan didedahkan dengan teknik-teknik yang boleh digunakan untuk meningkatkan penguasaan membaca, mendengar dan bercakap dalam dialek Mesir. Pembaca juga akan didedahkan tentang sumber-sumber percuma yang boleh dimanfaatkan sebaiknya oleh pembaca!

Kemudian, dalam Bab 2, saudara akan mempelajari beberapa ayat penting yang saudara mesti kuasai dengan baik supaya saudara dapat mengembangkan lagi kemahiran berbahasa saudara. Ayat-ayat ini mestilah dihafal dengan baik dan saudara disarankan untuk sentiasa membuat latihan menyebut serta menggunakannya dalam percakapan harian.

Selamat membaca dan semoga Berjaya!

Khalif Rizal,

El-Sayyeda Zeinab, 8 Februari 2019.

khalif@dialekmesir.com

BAB 1

MENGUASAI EMPAT KEMAHIRAN BAHASA DALAM DIALEK MESIR

Dalam mempelajari apa sahaja bahasa, ada 4 kemahiran yang perlu kita beri perhatian sebaiknya jika kita benar-benar ingin menguasai bahasa tersebut. Empat kemahiran tersebut adalah:

[1] Kemahiran Membaca

[2] Kemahiran Menulis

[3] Kemahiran Bercakap

[4] Kemahiran Mendengar

Di antara empat kemahiran ini, pada hemat penulis kemahiran yang paling sukar adalah mendengar! Iya lah, macam mana tak sukar, bila penutur jati dialek Mesir bercakap lajunya tak boleh bawa bincang!

Dalam bab ini, insyaAllah penulis akan kongsikan satu persatu teknik yang sesuai digunakan dalam setiap kemahiran tanpa membuang masa dan wang. Setiap satu daripada kemahiran ini memerlukan latihannya tersendiri!

1.1. Kemahiran Membaca

Untuk membaca bahan-bahan dalam dialek Mesir tidak sesukar mendengar dan bercakap. Sekiranya anda mampu membaca teks dalam bahasa Arab Fusha, maka ini bererti anda juga mampu untuk membaca apa sahaja bahan bacaan dalam dialek Mesir.

Cuma, membaca belum tentu faham kan?

Apa nak buat kalau jumpa perkataan yang kita tidak ketahui maknanya?

[1] Pertama sekali kita mesti mengenal pasti apakah jenis perkataan tersebut? Adakah ianya kata nama (Arab: الاسم), kata kerja (الفعل) atau kata tugas (الحرف).

Sekiranya perkataan tersebut adalah kata nama (selain al-masdar)[1] maka cara untuk mencari maksudnya amat mudah.

1.1.1. Teknik Pertama: Menggunakan Google Image

Jawapannya adalah dengan menggunakan Google Image! Ini kerana Google mampu mencari setiap gambar dalam apa-apa sahaja bahasa di dunia termasuklah bahasa Arab dan dialek Mesir!

Tak percaya?

Cuba type التِّرْبَاسْ dalam Google Image?

[1] Al-Masdar (Arab: المصدر) dalam istilah tatabahasa Melayu adalah kata nama perbuatan. Ianya adalah pecahan daripada kata kerja. Dari sudut makna, secara umum ianya membawa maksud yang sama sahaja dengan kata kerja.

Beza antara keduanya adalah, apabila disebutkan kata kerja قرأ seorang pelajar bahasa Arab sepatutnya memahami tiga petunjuk. Pertama, pelakunya iaitu: هو. Kedua, masa perbuatan itu dilakukan iaitu: الماضي. Ketiga adalah makna perbuatan itu sendiri, iaitu: perbuatan membaca.

Manakala al-Masdar-nya pula iaitu القراءة pula hanya mempunyai satu petunjuk. Petunjuk itu adalah makna perbuatan itu sendiri, iaitu: perbuatan membaca.



Baiklah. Apabila kita dapat hasil carian seperti ini kita perlu membaca juga sedikit sebanyak *caption* atau tulisan yang ada di bawah gambar tersebut supaya dapat fahami apakah maksud التر باس yang sebenar.

Setelah kita membaca dan kaitkan dengan konteks ayat yang kita jumpai tadi, kita akan ketahui bahawa maksud التر باس adalah gambar pertama[2], iaitu ‘pengunci pintu’.

[2] Nota: Maksud perkataan yang tepat tidak semestinya pada perkataan yang pertama. Ianya bergantung kepada konteks dan petunjuk yang kita fahami daripada caption gambar-gambar tersebut.



Kadang-kadang, kaedah ini tidak terhad pada nama benda sahaja. Ada ketika, nama perbuatan juga kita dapat temui maknanya melalui Google Image. Sebagai contoh, kita mencari perkataan بِيِنَوَّرْ dalam Google Image. Kita akan dapat hasil carian seperti berikut:



Dengan melihat sahaja gambar ini, kita belum jelas apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan بينور? Namun, setelah kita layari atau *scroll* semakin bawah, kita akan temui gambar baju menyala, kasut menyala, gaun menyala, bola menyala, rantai menyala. Maka kita dapat buat kesimpulan bahawa maksud perkataan بينور adalah 'bercahaya'.

Baiklah, bagaimana pula kalau dengan teknik ini pun masih belum dapat faham maksud sesuatu perkataan?

Jangan risau. Kita ada beberapa teknik lagi yang insyaAllah dapat membantu kita mendapatkan maksudnya.

Iaitu dengan menggunakan aplikasi dari Google Store yg diberi nama *Lisaan Masry*.

1.1.2. Teknik Kedua: Menggunakan *Lisaan Masry*

Lisaan Masry adalah kamus atas talian yang diusahakan oleh sekumpulan sukarelawan daripada Amerika Syarikat dan juga Mesir. Barita baiknya, sewaktu buku in ditulis kamus atas talian ini masih berfungsi secara percuma. Pembaca boleh layari laman web www.lisaanmasry.com untuk menggunakannya.

Berikut adalah paparan laman web Lisaan Masry semasa buku ini ditulis:

Selain laman web, pengguna juga boleh muat turun aplikasi ini dalam laptop yang menggunakan system operasi Windows, Apple ataupun Linux. Untuk telefon pintar, aplikasi ini boleh dimuat turun ke telefon Android dan juga Apple.

Bagi pengguna Android, anda boleh dapati aplikasi ini dengan mudah di Google Store. Hanya taip Lisaan Masry dan anda akan mendapat paparan berikut:



(*Muat turun dan Install*)

(Paparan pertama aplikasi Lisaan Masry)

Penulis secara peribadi kurang selesa dengan paparan ini. Jadi, penulis mengubah tetapan keyboard dan memilih untuk menggunakan keyboard Android. Berikut langkah-langkahnya:

(Keyboard yang menggunakan transliterasi ini sesuai untuk mereka yang tidak mahir membaca tulisan Arab)

(Pilih ‘Android’ untuk menggunakan keyboard yang biasa anda gunakan)

Pada bahagian paling kiri, kita boleh membuat pilihan untuk mencari perkataan dialek Mesir dan padanannya dalam bahasa Inggeris ataupun mencari perkataan dalam bahasa Inggeris dan padanannya dalam dialek Mesir.

Antara kelebihan lain *Lisaan Masry* ini adalah ianya juga memberikan kepada kita contoh ayat yang digunakan di dalam konteks untuk perkataan yang kita cari. Ini sangat penting supaya kita tidak tersalah dan menggunakan perkataan bukan pada tempatnya.

(Ini contoh carian untuk perkataan جَايْ yang bermaksud ‘sedang datang’ atau ‘akan datang.’ Pembaca boleh klik pada ikon di dalam kotak merah untuk melihat contoh ayat.)

(Ini merupakan paparan yang menunjukkan contoh ayat bagi hasil carian kita tadi, iaitu جَايْ. Selain daripada contoh ayat, aplikasi ini juga dilengkapi dengan audio untuk setiap perkataan dan ayat yang diberikan. Pembaca boleh klik pada ikon dalam kotak merah untuk mendengar audio dalam dialek Mesir.)

Pastikan dengar secara teliti dan tiru sebutan dengan tepat. Ulang dengar berkali-kali di samping berlatih untuk sebut. Kita perlu berlatih untuk menyebutnya walaupun jika kita sudah faham jika ayat itu disebut supaya lidah kita terbiasa untuk menyebut ayat dan perkataan-

perkataan Arab. Tanpa latihan, agak sukar untuk kita capai tahap yang kita inginkan.

Oh ya, selain daripada perkataan yang kita cari. Kita juga boleh mendapatkan maksud untuk perkataan-perkataan lain yang ada diberikan dalam ayat contoh. Sebagai contoh, dalam ayat contoh tersebut dinyatakan:

لِفْ بِمِينْ الصَنِيَّةْ اللِّي جَايَّهْ

Ini adalah hasil carian untuk perkataan جَايْ, kerana itu dalam aplikasi perkataan ini diwarnakan dengan merah jambu. Baiklah, anggap kita belum tahu makna perkataan لِف. Klik sahaja pada perkataan itu dan makna akan diberikan. Sekiranya langkah-langkah ini diikut, pembaca akan mendapat paparan seperti berikut:

Jika pembaca perhatikan, perkataan yang diwarnakan dengan merah jambu tersebut telah bertukar. Asalnya diwarnakan pada perkataan جَيَّهْ kemudian bertukar kepada لِفّ.

Selain daripada menggunakan untuk carian perkataan. Aplikasi ini juga boleh memaparkan ayat-ayat yang turut dibekalkan bersama suara. Pembaca boleh klik pada ikon ‘chat’/’conversation’ seperti dalam contoh berikut:

Pembaca berikutnya akan mendapat paparan seperti berikut:

Aplikasi ini mempunyai 1538 ayat contoh yang dilengkapi audio untuk memudahkan pengguna mengetahui dan membuat latihan menyebut dengan tepat. Seandainya pembaca mengambil 5 ayat sahaja sehari untuk dihafal, pembaca hanya perlukan 307 hari untuk menghafal semuanya!

Bagi menambah kosa kata, teknik yang terbaik adalah dengan menghafal perkataan yang baru dipelajari yang disertai dengan ayat. Ini penting agar kita tahu untuk menggunakan perkataan tersebut pada tempatnya yang sebenar.

Penulis tidak bercadang untuk memanjangkan bab ini memandangkan pembaca sendiri dapat menerokai aplikasi ini dengan sendiri menggunakan manual yang disediakan. Apa yang penulis telah ceritakan hanya sebagai pengenalan dan penjelasan teknik yang perlu kita ambil dan beri penekanan ketika menggunakan aplikasi ini bagi tujuan mempelajari dialek Mesir.

Sebagai maklumat tambahan, *Lisaan Masry* juga boleh didapati dalam bentuk PDF melalui link berikut:

http://eg.lisaanmasry.com/intro_en/pdf.html

Namun, aplikasi dalam telefon pintar dan juga laman web Lisaan Masry sendiri dilihat lebih efisyen untuk tujuan pembelajaran.

1.1.3. Teknik Ketiga

Yang ketiga adalah dengan menggunakan kamus bercetak ‘A Dictionary of Egyptian Arabic’.



Kamus ini boleh dibeli secara online di Amazon.

1.1.4. Teknik Keempat: Mengunakan Enjin Pencari Google

Seterusnya, pembaca juga boleh menggunakan carian Google sendiri. Berdasarkan pengalaman peribadi penulis, banyak perkataan yang ditemui maknanya daripada Google.

Pilihan yang terakhir adalah dengan bertanya sendiri kepada penutur jati Arab sendiri berkenaan perkataan-perkataan yang tidak diketahui.

Nota Penting

Oleh kerana dialek Mesir merupakan bahasa pertuturan, maka kita akan dapati ramai penutur jati Mesir sendiri yang mengeja sesuatu perkataan dengan cara masing-masing. Apa yang penting bagi mereka, sebutan dan bunyinya sama. Barulah boleh difahami.

Dalam contoh di atas, pihak Lisaan Masry memilih untuk mengeja perkataan جَايْ dengan جَيْ sahaja. Ini bukan satu masalah yang besar kerana jika disebut, kedua-duanya menghasilkan bunyi yang sama. Begitu juga dalam beberapa perkataan lain seperti harf al-nida يَا. Ada sesetengahnya yang hanya menulis ي sahaja!

Oh ya, selain daripada itu dalam penggunaan sebenar, orang Arab tidak bariskan pun tulisan mereka. Jadi, kita perlu mahir untuk ‘meneka’ dan mempunyai kosa kata yang banyak.

Antara cara untuk menambah kosa kata adalah dengan banyak mendengar atau membaca apa-apa bahan dalam dialek Mesir.

Penulis mencadangkan pembaca yang mempunyai akaun Facebook dan Youtube untuk memanfaatkan cara yang akan dikongsikan ini.

Bagi pembaca yang mempunyai akaun Facebook, pembaca boleh ‘like’ dan membaca apa-apa ‘page’ yang sering membuat perkongsian dalam bahasa Arab Fusha ataupun dalam dialek Mesir.

Sekiranya laman tersebut dalam bahasa Arab Fusha dan dikendalikan oleh orang Mesir ataupun berkongsi tentang berita-berita berkaitan masyarakat Mesir, kita boleh manfaatkan ruangan komen.

Di ruangan komen kita dapat lihat lebih banyak bahasa yang ‘hidup’ dan digunakan oleh orang Arab Mesir dalam kehidupan seharian mereka.

Antara page Facebook yang dicadangkan untuk diikuti adalah:

1- Akhbarak.net

https://www.facebook.com/Akhbarak.net/

2-Akhbar اليوم السابع

http://www.facebook.com/Youm7

Dua page di atas adalah antara yang masyhur dalam kalangan rakyat Mesir. Kebanyakannya posting daripada page tersebut dalam bahasa Arab Fusha. Namun, untuk pengetahuan pembaca, menjadi tabiat kenanyakan wartawan Mesir, apabila mereka menukilkan(quote) kata-kata seseorang, mereka akan menukilkannya dalam dialek Mesir.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, untuk page-page seperti ini, kita boleh manfaatkan ruangan komen melihat sendiri gaya bahasa dan pemilihan perkataan yang digunakan oleh penutur asli dialek Mesir.

Manakala, sekiranya laman tersebut tidak bersifat rasmi dan hanya sekadar page ‘troll’, ‘prank’ atau hanya

dipenuhi dengan ‘memes’ maka pembaca juga boleh mengambil manfaat daripada bahasa-bahasa yang digunakan di sini.

Antara page Facebook yang penulis cadangkan untuk diikuti adalah:

1-Page الكومينت الفصيل

http://facebook.com/Elcommentelfaseel/



Page ini biasanya akan ‘screenshot’ apa sahaja komen-komen yang admin mereka temui yang dirasakan menarik.

2-Page كومينتاتك

https://www.facebook.com/commentatkcom/



Page ini dinamakan كومينتاتك. Berasal daripada perkataan Inggeris. كومينت (*Comment*). Perkataan ini tunggal atau *singular*. Jika dijamakkan akan menjadi كومينتات.[3] Kemudian ditambah dengan dhamir ك selepas itu. Maka jadilah كُومِينْتَاتَكْ.

3-Page خليكي قويه زاتعلمي تبقي مفتريه

https://www.facebook.com/zwogamoftariaa/

[3] Satu kaedah dalam dialek Mesir, semua perkataan pinjaman apabila dijamakkan akan dijamakkan menggunakan *jamak muannath salim*. Contohnya perkataan أُتُوبِيسْ yang bermaksud 'bas' apabila dijamakkan akan menjadi أُتُوبِيسَاتْ, تيليفون akan menjadi تيليفونات dan sebagainya.

4-Page Add screenshot.

https://www.facebook.com/addscreenshoot/



5. Page Romantic Screen

http://facebook.com/screenn1/



Selain page-page di Facebook. Pembaca juga boleh membaca cerita-cerita dalam bentuk conversation WhatsApp yang diupload dalam YouTube. Antara channel yang pembaca boleh gunakan adalah:

1-Romantic Screen

https://www.youtube.com/channel/UC32THYHOksoXImPI_7hXHSQ



2-MemoHat - ميمو هات

https://www.youtube.com/channel/UCbpDvLAF24RgJQ5Wc6e2NyA

3-ScreenologY – اسكرينولوجي

https://www.youtube.com/channel/UCIPMjYGW2p07JPRV8-B7nVg

Pembaca boleh gunakan teknik yang sama dikongsikan sebelum ini untuk mencari apa-apa makna perkataan.

1.2. Kemahiran Menulis, Mendengar dan Bercakap

Penulis sengaja gabungkan ketiga-tiga kemahiran ini dalam satu perbincangan. Ini kerana kemahiran menulis, bercakap dan mendengar dalam dialek Mesir sebenarnya tidaklah terlalu sukar dan *detail* jika ingin dibandingkan dengan bahasa Arab Fusha.

Teknik yang akan dikongsikan ini menggabungkan ketiga-tiga kemahiran tersebut. Pembaca disarankan untuk mengikuti langkah-langkah berikut:

Tonton video yang dibekalkan dalam folder Kit Dialek Mesir yang bertajuk ‘Video Latihan’.

1- Cuba dengar video asli (https://www.youtube.com/watch?v=i-ZxCO4aYvw) Mainkan dan berhenti pada bahagian yang tidak jelas atau tak dapat tangkap. Ulang semula dari awal banyak kali, dengar dan fokus pada sebutannya. Sampai faham dan dapat tangkap. Ini untuk melatih kemahiran mendengar kita.

2- Tulis semua yang diucapkan di dalam video dan cari makna bagi perkataan yang tidak difahami. Pembaca boleh gunakan teknik-teknik yang dikongsikan dalam

perbincangan sebelum ini. Sebaik-baiknya pembaca cuba cari sendiri dahulu. Pilihan terakhir jika tak dapat cari makna sendiri, tanya orang Arab. Pembaca yang merupakan pelajar-pelajar di timur tengah atau di mana-mana universiti tempatan yang ada Arab boleh manfaatkan rakan-rakan sekelas atau kenalan. Semak dengan mereka.

Untuk video ini, penulis telah sediakan teks Arab dan terjemahan.

3- Perhatikan bagaimana ayat-ayat dalam percakapan dibentuk. Cari ayat-ayat yang boleh digunakan dalam kehidupan sehariaan. Kemudian cuba bina ayat berdasarkan 'template' yang sama. Sebagai contoh yang kita boleh dapati daripada video ini, untuk buat ayat 'tak semestinya untuk …', kita boleh gunakan

مُشْ شَرْطْ عَشَانْ ... تِبْقَا ...

Kemudian semak ayat kita dengan orang Arab lagi, atau boleh manfaatkan Google (melalui laman web yang ditulis oleh orang Arab juga), atau tanyakan orang yang kita percaya penguasaannya dalam bahasa Arab. Sebagai contoh, daripada template ini kita cuba buat carian

Google menggunakan rangkai kata مش شرط. Sudah tentu, hasil carian yang diberikan oleh Google akan memaparkan kepada kita ayat-ayat yang digunakan oleh orang Arab sendiri. Tidak kira sama ada daripada lam sosial mahupun daripada laman-laman lain seperti blog, forum, portal dan sebagainya. Apa yang penting sumber tulisan yang kita temui itu ditulis oleh orang Arab. Dengan cara ini, kita dapat melihat bagaimana lagi ayat-ayat ini digunakan oleh orang Arab.

4- Untuk latihan sebutan, play video ini sedikit demi sedikit. Ulang setiap ayat dan cuba tiru intonasi dan cara sebutannya. Kalau rajin, rakam suara kita dan dengar semula. Dah bunyi macam Arab ke belum? Kalau belum, kena usaha lagi. Kalau perasan dah bunyi macam Arab, eh jangan perasan lah. Hehe. ✌ Latihan bercakap ini penting. Jika kita hanya sekadar berpada dan berpuas hati setelah memahami percakapan orang, sebenarnya memahami tidak menjamin kita dapat bertutur dan menyebut dengan sebutan yang betul.

5. Teruskan usaha. Buat langkah-langkah ini (tak semestinya sama, boleh ubah mengikut idea dan kreativiti pembaca) untuk video yang lain. Kejayaan tak

datang dengan usaha keras dalam masa sehari, seminggu atau sebulan. Ia datang dengan usaha keras dan proses pembelajaran yang berterusan. InsyaAllah.

Untuk peringkat permulaan, penulis mencadangkan untuk pembaca menonton video-video yang mempunyai sarikata dalam dialek Mesir. Berikut merupakan antara video-video yang boleh ditonton oleh pembaca untuk peringkat ini.

1- Filem Komedi حد سامع حاجه

https://www.youtube.com/watch?v=wi4mhRZHsVg

Dalam filem ini, pembaca akan mendapat sarikata dalam dialek Mesir dan juga terjemahan dalam bahasa Inggeris.

2- Siri Easy Arabic oleh Easy Languages

https://www.youtube.com/watch?v=H_5p4CvmcEk&list=PLA5UIoabheFOTBS03VwXlFXQQHtp3xxiC

Semasa buku ini ditulis, siri ini mengandungi 33 video yang merupakan soal jawab antara pengacara dan juga beberapa rakyat tempatan Mesir. Ada video yang dirakam di dalam Mesir dan ada juga yang dirakam di luar negara seperti Berlin.

3- Siri Ayat dan Frasa Mudah oleh Easy Languages.

https://www.youtube.com/watch?v=1H4Licu6z4Y&list=PLA5UIoabheFNrzvYLM1Y3U5P5l91MWgg0

Kesemua ayat dan frasa mudah ini mesti dihafal oleh pembaca jika ingin mahir dalam dialek Mesir.

4- Egyptian Arabic Weekly Words oleh Peryhan

https://www.youtube.com/watch?v=f1pvc2M7iuE&list=PLsr1ERsR7y1kUptW3Lc4GkknKLN1RSK1N

Siri ini mempunyai 24 video. Perkataan yang dikongsi adalah perkataan-perkataan penting yang mesti diketahui. Apa yang menarik, dalam siri-siri video ini setiap perkataan diiringi dengan ayat. Ini sangat membantu pembaca untuk menghafal dan mengetahui bagaimana perkataan itu digunakan dalam ayat-ayat dialek Mesir.

5-Filem طير انت

https://www.youtube.com/watch?v=EjqJcBoQ1Vw

Filem ini hanya disertai terjemahan dalam bahasa Inggeris. Namun, sangat membantu.

6-Filem Asma’

https://www.youtube.com/watch?v=ogSKnRAULw0

Filem ini juga hanya disertai dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris dan sangat membantu.

7- Filem عسل إسود

Filem ini mengandungi unsur kritik sosial terhadap rakyat Mesir. Pembaca boleh dapatkan file mini dalam folder Kit Dialek Mesir.

Di Youtube terdapat banyak lagi dilem dialek Mesir yang disertai dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris. Pembaca boleh tulis sahaja, ‘egyptian movie english subtitles’ dan hasil carian akan banyak dipaparkan. Apa yang penulis kumpulkan di sini hanyalah beberapa video dan filem yang sangat baik untuk ditonton pada hemat penulis. Keutamaan

diberikan kepada video yang mempunyai tulisan Arab dan disertai dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris, seterusnya yang mempunyai video dalam bahasa Inggeris sahaja diikuti dengan video yang mempunyai kualiti audio atau bunyi yang baik.

Dalam mempelajari dialek Mesir yang terbaik adalah melalui filem-filem yang baru dan tidak terlalu klasik.

Filem moden biasanya akan menyajikan kepada kita babak-babak yang menyentuh isu-isu semasa (kelebihannya: kita akan tahu untuk guna perkataan apa dan ayat yang macam mana bila nak sembang isu semasa) serta ayat-ayat yang akan dituturkan juga lebih kerap akan kita gunakan dalam kehidupan seharian (kelebihannya: dapat pendedahan dan tarkiz kepada ayat-ayat kerap digunakan dalam sehari-hari). Manakala, kebanyakan filem-filem klasik pula menggunakan kata-kata atau dialog yang sudah sangat jarang digunakan pada zaman ini.

Buktinya, siapakah dalam kalangan kita yang hari-harinya masih bertutur dengan gaya bahasa dan kata-kata seperti dalam filem P. Ramlee dan seumpamanya? Hehe.

Manakala antara filem dan drama, sebaik-baiknya adalah drama kerana pada kebiasaannya drama mempunyai banyak episod. Jadi kita akan dapati banyak dialog ataupun skrip filem yang tidak terlalu penting dan sekadar selingan dalam setiap episod. Berbeza dengan filem, skrip dan dialog lebih berfokus dan objektifnya hanya sekadar menyampaikan cerita kepada penonton dalam masa yang terhad.

Berikut antara drama dalam dialek Mesir yang dicadangkan untuk ditonton.

1-Drama عيلة زيزو

https://www.youtube.com/watch?v=-lg5YjLdQ5E&list=PLUL-sctdHyuhWI0CeaFYjb1VNYVSgTPv7

Mengisahkan tentang keluarga Zizo dalam kehidupan seharian mereka. Zizo merupakan nama panggilan atau nama manja bagi Abdul Aziz. Dalam dialek Mesir ia dipanggil اِسْمْ الدَلَّعْ.

2- Drama Nelly w Sherihan

https://www.youtube.com/watch?v=dHtY6rPChJU&list=PLP00HVhrHDSsp_KFbezGebslxz5YBCaWD

Mengisahkan kehidupan antara dua gadis dari dua darjat dan ditemukan atas sebab yang mereka berdua tidak sangka-sangka.

3- Drama طاقة النور

https://www.youtube.com/watch?v=Y7d5uJS_Gzs&list=PLHbd0Adnzwrig0MYEO0WkJP-UQBZ_9HFS

Drama mengisahkan seorang pembunuh upahan yang bernama Lail Abdussalam yang merupakan *family man* dan konflik yang dihadapi setelah membuat keputusan untuk cuci tangan.

4- Drama رحيم

https://www.youtube.com/watch?v=J4Za9xSImvY&list=PL21EQ3ARoraoTD4loraLSdm-WOaF-oxfg

Drama yang mengisahkan seorang bekas banduan bernama Rahim yang dipenjarakan atas tuduhan penggubahan wang haram dan melarikan sejumlah wang ke luar negara semasa revolusi Mesir.

Drama yang disiarkan dalam bulan Ramadhan 2018 ini merupakan antara drama yang mendapat sambutan hangat dalam kalangan Arab.

Selain daripada drama-drama ini, pembaca juga boleh mencari sendiri dalam Youtube Menggunakan kata kunci, مسلسلات مصرية atau مسلسلات رمضان. Untuk dapatkan yang terbaru, masukkan tahun selepas keyword tersebut. Contohnya,pembaca boleh gunakan keyword مسلسلات رمضان ٢٠١٨ dan pembaca akan dipaparkan dengan hasil carian yang berkaitan.

1.2.1. Kaedah Penting Memanfaatkan Video dalam Mempelajari Dialek Mesir

Semasa menonton video-video ini, pastikan pembaca tidak hanya sekadar menonton sahaja. Akan tetapi, tonton dengan tujuan untuk mempelajari bahasanya.

Tonton setiap video yang pembaca minati. Setelah menonton buat kali pertama dan mendapat gambaran awal tentang jalan cerita, cuba untuk tontonnya semula. Namun pastikan tontonan kali kedua ini tidak bersahaja. Sediakan pen dan buku nota untuk mencatat apa sahaja perkataan atau ayat yang tidak difahami kemudian usaha untuk mencari maknanya.

Setelah mengetahui maknanya, pembaca mesti cuba untuk buat ayat sendiri menggunakan perkataan atau rangkai kata yang didapati daripada dialog yang terdapat dalam video tersebut.

Beri perhatian kepada intonasi suara ketika sesuatu ayat diucapkan.

Kemudian, pembaca mesti ulang sebut semula ayat-ayat ini. Sambil menghafal, sambil fikir dimana, dengan siapa

dan bilakah ayat ini akan digunakan. Setelah itu, terus mula praktis dengan kenalan Arab Mesir atau rakan anda yang juga memplejari dialek Mesir.

1.2.2. Mereka Bercakap Terlalu Laju?

Antara cabaran dalam latihan-latihan ini adalah percakapan orang Mesir kadang-kadang terlalu laju dan kita tak dapat tangkap. Apabila menghadapi situasi ini, apa yang perlu kita buat?

[1] Dengar setiap perkataan dengan teliti dan ulang semula berkali-kali sehingga kita faham.

[2] Jika kita tetap tidak dapat tangkap sesuatu perkataan, cuba ingat bahawa ada beberapa huruf dalam dialek Mesir yang sebutannya agak berbeza dengan fusha. Contoh mudah, di dalam video kita dengar ada orang berkata,

إِنْتَ زَيّ[4] الْأَمَرْ

Sebutannya: Enta zayyel amar.

Kali pertama dengar, kita tak faham. Apa yang dimaksudkan, “Kamu seperti suruhan.”? Tak logik, kan?

[4] Perkataan زي bermaksud ‘seperti.’

Jadi ketika ini cuba kita ingat semula beberapa kaedah berkaitan perubahan sebutan bagi sesetengah huruf dalam dialek Mesir[5] kemudian cuba agak dan padankan.

Contohnya, yang disebut tadi bunyinya adalah ‘amar’. Bererti hanya ada dua kemungkinan. Sama ada huruf أ itu sememangnya huruf asal dalam perkataan tersebut atau sebenarnya di situ huruf ق yang disebut dengan أ?

Sekiranya kita anggap huruf أ itu sememannya huruf asal, maka apa maknanya? Sesuaikah dengan konteks? Tidak sesuai.

Tinggal satu lagi kemungkinan, iaitu huruf أ berasal daripada huruf ق. Ini bererti, asal perkataan tersebut adalah القمر. Apabila diletakkan dalam ayat pun kena dengan konteks, “Kamu seperti bulan.” Sebagai mana yang diketahui, telah menjadi kebiasaan orang Arab apabila melihat sesuatu yang cantik akan diumpamakan dengan bulan.

Kesemua latihan-latihan ini sangat penting. Penulis sangat menekankan supaya setiap individu yang ingin

[5] Pembaca akan didedahkan dengan perkara ini dalam eBook kedua berkaitan kaedah-kaedah asas dalam dialek Mesir.

mempelajari dialek Mesir agar tidak berpada dengan pemahaman sahaja dan mesti berlatih untuk menyebut sesuatu ayat. Di samping menghafal dan letakkan di dalam minda bilakah ayat ini akan digunakan.

Agak sukar untuk menguasai dialek Mesir jika hanya sekadar memahami dan tidak berlatih. Jangan putus asa dan jangan mudah berpuas hati.

Semoga Berjaya!

BAB 2

BEKALAN PENTING UNTUK MEMPELAJARI DIALEK MESIR

Sebelum mempelajari ayat-ayat yang lebih kompleks dalam dialek Mesir, penulis bekalkan di sini beberapa ayat yang boleh kita gunakan untuk membantu kita mengembangkan pengetahuan kita dalam proses pembelajaran bahasa Arab khususnya dialek Mesir:

1- "Benda ini nama apa dalam dialek Mesir?"

Ayat-ayat berikut ini boleh digunakan untuk bertanya orang Mesir apakah nama sesuatu objek dalam dialek Mesir. Sengaja penulis berikan tiga contoh ayat supaya pembaca terdedah kepada kepelbagaian.

الحَاجَهْ دِيْ اِسْمَهَا اِيْهْ؟

Sebutan: el Haga di ismaha eh ?

الحَاجَهْ	Bermaksud ‘benda’

دي	Merupakan kata tunjuk untuk objek bersifat feminin. Bermaksud, ini.[6]
اِسْمَهَا	Bermaksud namanya.
اِيْهْ	Merupakan kata tanya yang bermaksud ‘apa’.[7]

Untuk lebih ringkas, pembaca juga boleh hanya bertanya dengan ayat, اِسْمَهَا اِيْهْ بالمصري? Ayat ini lebih kerap digunakan berbanding ayat selepas ini.

الْبِتَاعْ دَهْ اِسْمُهْ اِيْهْ؟

Sebutan: el Bitaa’ da ismuh eh?

Terjemahan: Benda ini nama apa?

Perkataan البتاع dalam konteks ini bermaksud ‘benda’ atau ‘objek’.[8] Perkataan-perkataan lain telah diterangkan sebelum ini.

---

[6] Pembaca akan didedahkan dengan kata tunjuk dalam eBook kedua, ‘Kaedah-Kaedah Penting dalam Dialek Mesir’ yang dibekalkan bersama-sama dengan eBook ini dalam Mini Kit Dialek Mesir.

[7] Pembaca akan didedahkan dengan tanya tunjuk dalam eBook kedua, ‘Kaedah-Kaedah Penting dalam Dialek Mesir’ yang dibekalkan bersama-sama dengan eBook ini dalam Mini Kit Dialek Mesir.

[8] Perkataan البتاع merupakan antara perkataan yang kerap digunakan dalam dialek Mesir. Pembaca akan didedahkan dengan makna-maknanya dalam eBook kedua,

اِزَّيْ بِتْقُولْ دَهْ بِالمَصْرِي/بِالعَامِيَّهْ؟

Sebutan: Ezzay bit ul da bil masri/bil aamiyyah?

Terjemahan: Macam mana kamu kata benda ni dalam dialek Mesir/Amiyyah?

اِزَّيْ	Merupakan kata tanya yang bermaksud ‘bagaimana’.
بِتْقُولْ	Merupakan kata kerja dari fi’il mudhari’ yang digabungkan dengan ب. Dalam eBook yang kedua, berkaitan dengan kaedah-kaedah dalam dialek Mesir, akan dijelaskan bilakah sesuatu fi’il mudhari digandingkan dengan harf ب.
بِالمَصْرِي	Bermaksud ‘dalam dialek Mesir’. Kita tidak katakan باللغة المصرية kerana ianya memang tidak digunakan oleh orang Arab. Manakala kita juga tidak gunakan باللهجة المصرية untuk tujuan meringkaskan.

Ayat-ayat ini boleh diucapkan sambil memberi isyarat kepada objek yang kita ingin tahu namanya tersebut.

‘Kaedah-Kaedah Penting dalam Dialek Mesir’ yang dibekalkan bersama-sama dengan eBook ini dalam Mini Kit Dialek Mesir.

2- Macam mana nak cakap (sebut ayat yang kita nak cakap sama ada dalam fusha/english) dalam dialek Mesir?

Ayat ini kita gunakan apabila ingin bertanya, bagaimanakah sesuatu frasa atau ayat disebut dalam dialek Mesir. Untuk tujuan ini, kita boleh gunakan rangkai kata:

اِزَّيْ بِتْقُولْ	Ayat yang anda ingin ketahui	بِالمَصْرِي؟

Contohnya jika anda ingin bertanya bagaimana untuk mengucapkan ‘happy birthday’ dalam dialek Mesir:

اِزَّيْ بِتْقُولْ	Happy birthday	بِالمَصْرِي؟

Mungkin ada yang bertanya, bolehkah campur bahasa?

Boleh. Sebagaimana dalam bahasa Melayu kita boleh campurkan dengan bahasa Inggeris, begitu juga bahasa Arab boleh dicampur dengan bahasa Inggeris. Dengan syarat pihak kedua atau orang yang sedang bercakap dengan kita itu faham bahasa Inggeris. Sekiranya pihak

kedua tidak memahami bahasa Inggeris, kita boleh sahaja campur dialek Mesir dengan bahasa Arab Fusha.

3- Minta perlahankan kelajuan seseorang yg sedang bercakap dengan kita:

Sekiranya kita sedang bercakap dengan seseorang dalam dialek Mesir dan dia bercakap terlalu laju kita boleh gunakan ayat-ayat berikut untuk memintanya bercakap dengan lebih perlahan.

“Boleh cakap slow (tak laju) sikit tak?”

مُمْكِنْ تِتْكَلِّمْ بِالرَّاحَهْ؟

Sebutan: Mumkin tetkallem bir raaha.

مُمْكِنْ	Perkataan ini bermaksud ‘bolehkah’. Ada ketikanya ia membawa maksud ‘mungkin.’
تِتْكَلِّمْ	Bermaksud, kamu bercakap.
بِالرَّاحَهْ	Bermaksud perlahan-lahan.

“Rileks bro, cakap one by one.”

يَاعَمْ اِهْدَا،، اتْكَلِّمْ وَحْدَهْ وَحْدَهْ.

Sebutan: Ya ‘amm, ehda. Itkallim wahdah wahdah.

يَا	“Weh.” يا ini adalah kata tugas yang digunakan untuk memanggil seseorang dalam bahasa Arab.
عَمْ	“Bro.” Perkataan ini pada asalnya bermaksud ‘pakcik’. Namun dari sudut parktikalnya, ianya tidak terhad digunakan untuk memanggil ‘pakcik’ atau orang lebih tua. Ianya digunakan juga untuk memanggil orang sebaya yang rapat dengan kita.
اِهْدَا	“Bertenang.” Ini adalah fi’il amar untuk lelaki. Sekiranya pihak kedua adalah perempuan, kita katakan: اِهْدِيْ Sebut: Ihdi
اتْكَلِّمْ	“Bercakap.”
وَحْدَهْ وَحْدَهْ	“Satu-persatu.”

4- Minta penjelasan:

Sekiranya ada perkataan yang diucapkan oleh pihak kedua yang kita tidak fahami dengan baik, kita boleh gunakan ayat-ayat berikut untuk meminta penjelasan yang lebih terperinci.

“Maaf, saya tak faham maksud kamu. Boleh terangkan dengan lebih detail?”

مَعْلِشْ مِشْ فَاهْمَكْ. مُمْكِنْ تِشْرْح اَكْتَرْ؟

Sebutan: ma’lesh mish fahmak. Mumkin tesyrah aktar?

مَعْلِشْ	Perkataan yang paling kerap digunakan untuk meminta maaf.
مِشْ	Kata tugas yang digunakan untuk menafikan kata nama dan juga kata kerja khas untuk fi’il mudhari’.
تِشْرْح	Kamu terangkan
اَكْتَرْ	Secara literalnya bermaksud, “lebih banyak.”

“Apa maksud kamu?”

قَصْدَكْ اِيْهْ؟

Sebutan: Asdak eh?

قَصْدَكْ	Terdiri daripada dua perkataan. Pertama قصد yang bermaksud ‘qasad, maksud atau tujuan’. Kemudian digandingkan dengan كْ. Huruf kaf ini sentiasa sukun dalam dialek Mesir. Tidak kira pihak kedua adalah lelaki atau perempuan. Apa yang memebezakan antara lelaki dan perempuan

	adalah baris huruf sebelumnya. Contoh: قَصْدَكْ – untuk lelaki. قَصْدِكْ – untuk wanita.

يَعْنِيْ اِيْهْ؟

يَعْنِيْ	‘Maksud’ atau ‘makna’.

5- Perkataan ini apa padanannya dalam Fusha?

Sekiranya kita menemui sesuatu perkataan dalam dialek Mesir dan menjumpai sesuatu perkataan yang tidak diketahui maknanya, kita boleh menggunakan cara ini. Iaitu dengan bertanyakan kepada orang Arab, apakah padanan sesuatu perkataan itu dalam bahasa Arab Fusha.

الكِلْمَهْ دِي بِتْقُولْهَا اِزَّيْ بِالفُصْحَى؟

Sebutan: el Kilma di bit ulha ezzay bil fusha?

Literal: Perkataan ini, kamu sebutnya macam mana dalam Fusha?

الكِلْمَهْ	Maksudnya, ‘perkataan’. Perhatikan, sebutannya adalah el-kilma. Bukan al kalimah.
بِتْقُولْهَا	Gandingan daripada huruf ب, fi’il mudhari’ تقول dan juga dhamir ها.

6- Kalau ada orang buat macam ini (sambil buat gaya, bahasa isyarat, simbol, tunjuk gambar atau video atau apa sahaja cara sampai pihak kedua faham), kamu akan kata dia sedang buat apa dalam Dialek Mesir?

Untuk bertanya seperti ini, kita boleh gunakan rangkai kata berikut:

هَتْقُوْلُ هُوَّ بِيعْمِلْ اِيْهْ؟	(buat gaya)	لَوْ فِيه حَدْ بِيَعْمِلْ كِدَهْ

Sebutan: Law fii had biya’mel kida, hat uul huwwa biya’mel eh?

لَوْ	‘Sekiranya’ atau ‘kalau’.
فِيه	Maksudnya adalah ‘Ada’. Bukanlah ‘padanya’. Perkataan ini antara perkataan yang paling kerap digunakan dalam dialek Mesir. Sila ambil perhatian. Contoh penggunaannya. Kita boleh

	bertanya: **فيه حَدّ هِنَا؟** **Ada** sesiapa di sini?
حَدّ	Bermaksud ‘sesiapa’ atau mana-mana orang.
بِيَعْمِلْ	Gandingan antara ب dan juga kata kerja يعمل. Bermaksud, melakukan.
كِدَهْ	‘Begini”.
هَتْقُوْلُ	Gandingan antara هَ dan juga kata kerja dari fi’il mudhari iaitu تقول. Gandingan begini memberi maksud ‘akan’. Padanan paling hampir dalam bahasa Arab Fusha ialah س dan سوف yang ulama Nahu golongkan sebagai harf al-tanfis(Arab: حرف التنفيس).
هُوَّ	Bermaksud ‘dia’. Untuk lelaki. Sedikit perbezaan dengan bahasa Arab Fusha, huruf waw nya disyaddahkan.

Lebih mudah sekiranya kita ternampak seseorang melakukan sesuatu dan kita ingin tahu apakah perkataan yang digunakan dalam dialek Mesir untuk menunjukkan perbuatan itu segera bertanya kenalan atau orang Arab Mesir yang berada berhampiran:

Dia sedang buat apa?

هُوَّ بِيَعْمِلْ اِيْهْ؟

7- Minta pihak kedua (mukhatab) ulang semula kata-katanya tadi:

Apabila bertutur dengan orang Arab, antara masalah yang kita hadapi adalah mereka bercakap terlalu cepat. Untuk meminta pihak kedua mengulang kata-katanya, kita boleh gunakan ayat-ayat berikut:

“Kamu cakap apa? Boleh ulang tak? (Sopan)”

بِتْقُولْ اِيْهْ؟ مُمْكِنْ تِعِيْدْ كَلَامَكْ؟

Sebutan: Bit ul eh? Mumkin ti’iid kalaamak?

تِعِيْدْ	Fi’il mudhari’ yang bermaksud ‘kamu ulang’.
كَلَامَكْ	“Kata-kata kamu.” Digandingkan dengan huruf kaf. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, huruf kaf ini sentiasa sukun dalam dialek Mesir. Tidak kira pihak kedua adalah lelaki atau perempuan. Apa yang memebezakan antara lelaki dan perempuan adalah baris huruf sebelumnya.

“Tak dengarlah, kamu cakap apa?”

مِشْ سَامْعَكْ، بِتْقُولْ اِيْهْ؟

Sebutan: Mish sam’ak, bit ul eh?

مِشْ	Kata tugas yang digunakan untuk menafikan kata nama dan juga kata kerja khas untuk fi’il mudhari’.
سَامْعَكْ	“Dengar kamu.” Kata nama dalam bentuk isim fa’il yang digandingkan dengan huruf kaf yang bermaksud ‘kamu’.

Kejap, ulang balik kamu cakap apa tadi? Sebab saya tak dengar.

اسْتَنَّـا، عِدْ الكَلَامْ كِدَهْ، عَشَانْ مَاسْمِعْتِشْ؟

Sebutan: Istanna, ‘id el kalaam kida. ‘Ayan masmi’tish.

اسْتَنَّـا	“Tunggu kejap.” Ini adalah fi’il amr untuk lelaki. Untuk perempuan, kita katakan: اسْتَنِّي
عِدْ	“Ulang.” Ini juga adalah fi’il amr untuk lelaki.
عَشَانْ	Bermaksud ‘kerana’. Ada ketika bermaksud “untuk, supaya dan demi.”
مَاسْمِعْتِشْ	“Saya tak dengar.” Berasal daripada kata kerja سمعت. Kemudian digandingkan dengan ما untuk penafian dan diakhiri dengan huruf ش. Ini adalah

	kaedah untuk menafikan masa lepas. Dalam eBook Kaedah-Kaedah dalam Dialek Mesir, pembaca akan didedahkan dengan lebih terperinci dan tersusun berkaitan penafian dalam dialek Mesir.

8- Setelah kita tahu beberapa perkataan, frasa dan ayat dalam Dialek Mesir, kita boleh cuba bina ayat sendiri pula.

Namun, sebagai seorang pelajar bahasa yang baik, kita mesti bertanya dan menyemak semula dengan penutur jati adakah boleh kita menyusun ayat dengan cara demikian? Adakah susunan ayat kita itu betul dan tidak ada 'bau-bau' bahasa Melayu? Disaat itu, kita boleh bertanya menggunakan rangkai kata berikut:

Ayat yang kita bina sendiri tadi	اَقُوْلْ	يِنْفَعْ

Sebutan: Yinfa’ a ul + ayat yang kita bina

Maksudnya: Boleh tak saya kata macam ni + (sebut ayat yang kita tertanya-tanya tadi) ?

Perkataan بِنْفَعْ bermaksud ‘boleh’. Bukan bermaksud ‘bermanfaat’ sebagaimana yang disalahfahami oleh sesetengah orang. Penafiannya adalah مَابِنْفَعْشْ yg bermaksud ‘tidak boleh’.

Ingin mempelajari dialek mesir lebih mendalam?

Dialekmesir.com – nota dialek mesir mungkin jawapan yang anda cari selama ini

Klik di sini untuk ke laman web nota dialek mesir

DIALEKMESIR
Sertai kami di
Channel
Telegram
telegram.me/DIALEKMESIR
www.dialekmesir.com